

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
TARIKH : 26.3.2014
SOALAN :

Y.B. Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah pelajar dari sekolah menengah Cina swasta telah ditawarkan menjalani latihan perguruan. Berapakah pelajar dari sekolah menengah swasta Cina telah mendapat sijil perguruan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima sejumlah 19 permohonan di bawah Program Kursus Perguruan Lepas Sijil Pelajaran Malaysia bagi Ambilan Khas Bagi Lulusan *Unified Examination Certificate (UEC)* bagi Tahun 2013. Daripada jumlah tersebut, hanya 4 orang calon sahaja yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, berjaya dan ditawarkan mengikuti latihan perguruan.